

Gesa kekang kemasukan nelayan asing

HK 11/06/23 m/s q

Dungun: Agensi Pengawas Kuasa Maritim Malaysia (APMM) diminta mempertingkatkan kawalan mengekang kemasukan nelayan asing berikutan musim sotong di perairan Terengganu.

Nelayan, Mohd Shahrul Hisham Yusof, 36, berkata, musim sotong sememangnya menjadi kegemaran nelayan asing warga Vietnam menceroboh perairan Terengganu untuk 'merompak'.

Katanya, sotong tahun ini lebih banyak di perairan Terengganu dan sememangnya ia dinantikan nelayan asing terbabit.

"Sotong perairan kita merupakan sotong kategori gred A dan mereka ini (nelayan asing) memang

ghairah untuk ceroboh masuk merompak sotong kita.

"Kita minta pihak APMM bersedia untuk lebarkan kawalan dalam usaha menyekat kemasukan bot nelayan asing ini," katanya.

Mohd Shahrul berkata, kebanjiran sotong di perairan kali ini mencatat sejarah sekali gus memberi peluang rezeki berganda kepada nelayan.

"Daripada pertengahan Mei hingga kelmarin (Khamis) saja berjaya mendarangkan sotong hampir sembilan tan.

"Bukan saya sahaja, rakan nelayan lain juga turut memperolehi se-

kitar lima hingga puluhan tan.

"Kebanjiran sotong itu juga turut mencurah rezeki kepada nelayan pantai serta orang ramai yang turun mencandat sotong," katanya.

Seorang lagi nelayan, Mohamed Noor Yusof, 62, berkata, sepanjang keluar memukat sotong dia belum terserempak dengan bot nelayan asing.

"Kalau tahun sebelum ini ada juga terserempak. Mungkin mereka masih belum tahu limpahan sotong di perairan kita.

"Nelayan asing biadap, mereka gunakan kaedah pukat tunda

ganding. Sekali tunda, bertan-tan sotong kita mereka sapu.

"Mereka tahu, mutu sotong kita bernilai tinggi dan mereka akan jual dengan mengaut keuntungan berlipat kali ganda di negara mereka," katanya.

Menurutnya, justeru itu nelayan tempatan berharap kerjasama daripada APMM kerana nelayan asing sangat takut apabila menyedari kehadiran pihak berkuasa kita.

Sementara itu, Pengarah Zon APMM Kemaman Komander Maritim Rashidilhadi Abd Rashid berkata, pihaknya sentiasa giat menjalankan rondaan bagi mengekang pencerobohan nelayan asing di perairan Terengganu.

**APMM giat
menjalankan rondaan
halang pencerobohan
nelayan asing**